

**The Star mohon maaf atas kesilapan 'PM Melayu'**

**MalaysiaKini.com**

**February 21,2012**

Akhbar harian bahasa Inggeris The Star terpaksa memohon maaf kepada Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng kerana salah memetikinya semasa perbahasan 'Kaum Cina di persimpangan', Sabtu lalu.

Permohonan maaf itu berbunyi: "Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berkata, beliau tidak berkata: 'Kami tidak bersetuju bahawa Perdana Menteri mesti sentiasa terdiri daripada orang Melayu kerana kami mahu rakyat yang membuat keputusan.'

"The Star telah tersilap mendakwa Lim mengeluarkan kenyataan itu semasa laporan perdebatan beliau dengan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek dan juga dalam komentar oleh K Baradan di akhbar itu semalam.

"Kesilapan dalam terjemahan dan ulasan yang bertajuk 'Semua gambar-gembur tetapi tiada kemuncak?' itu amat dikesali. The Star memohon maaf bagi kesilapan itu."

Ini adalah penjelasan kedua berturut-turut dari harian milik MCA itu, sejak Isnin.

Walau bagaimanapun, dalam penjelasan yang pertama, akhbar itu hanya menyatakan kesilapan yang dilakukan tetapi tidak memohon maaf.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/189800>